

Meminang mesti dari lelaki

— Siri 31

ADAT Perpatih amat mementingkan kekerabatan dan kekeluargaan serta berjiran sekampung dalam mengatur kerukunan hidup di antara satu dengan yang lain. Dalam soal "menyambung tali" iaitu bahasa yang lebih kerap digunakan sebagai mengikat tali pertunangan mempunyai peraturan yang tertentu menurut adat yang telah diadatkan.

Di bawah ini saya cuba huraikan seberapa ringkas yang boleh untuk pengetahuan pembaca sekalian semoga mendapat perhatian terutama anak-anak muda yang sekarang sudah banyak menukar adat budaya dari yang lama kepada yang baru, ada di antaranya menganggap yang lama itu sudah lapuk dan mesti diperbaharui. Sejauh mana kebenaran pendapat mereka ini, masalah yang akan menentukan.

Soal pinang meminang ini ada adat tertentu yang mesti dituruti dan dipa-

tuhi di antara kedua pihak yang meminang (teruna) dan yang di pinang (dara). Meminang mestilah datang dari pihak lelaki, adalah menjadi satu-satu yang tidak menurut adat kalau pihak perempuan yang datang meminang yang disebutkan "perigi mencari timba".

Untuk menjodohkan anak-anak muda ini pula, waktu dulu adalah menurut pilihan orang tua. Adalah menjadi satu keaiban bagi keluarga jika soal mencari jodoh dicari sendiri oleh teruna dara yang disebut suka sama suka seperti banyak kedapatan anak-anak muda sekarang.

Dalam urusan pinang meminang ini pula ada peringkat-peringkatnya: Peringkat pertama yang biasa disebut "menanya ibu bapa", pihak keluarga lelaki akan mengirim utusan kepada pihak keluarga perempuan dengan membawa sebungkus cincin yang diungkapkan dalam kata-kata adatnya: "Sebungkus cincin tanya" bererti menanya ibu bapa.

Kadang-kadang ada juga yang membawa dua bungkus cincin tetapi ia disebut sebungkus sahaja.


Ibu bapa pula sebelumnya akan memberitahu keluarga rapat sebelah ibu atas pinangan yang datang secara tidak rasmi. Ketika pinangan ini dibuat, keluarga terdekat selalunya akan dijemput hadir bersama.

Sewaktu pinangan ini dilakukan banyak pepatah petiti dan kata-kata adat yang diucapkan tetapi sekarang ini tidak banyak lagi yang pandai beradat. Biasanya ia dilakukan dengan ringkas sahaja. Salah satu dari ungkapan pepatahnya yang penting dan jelas disebutkan kalau ada pihak-pihak yang mungkir janji:

Helah perempuan ganda

Helah lelaki loncor

Ertinya, kalau pihak perempuan membuat helah atau mungkir janji ia boleh memulangkan cincin tersebut dengan syarat diindahkan iaitu kalau sebungkus dijadikan dua, kalau dua digantikan dengan empat bungkus. Begitulah juga pihak lelaki kalau helah yakni mungkir janji, cincin ini akan



OLEH:
TAN SRI
A. SAMAD
IDRIS

loncor iaitu jadi milik siperempuan.

Kalau di zaman dahulu cincin yang dijadikan pinangan ini adalah khusus yang dipanggil "cincin belah rotan". Ia tidak bertatah dengan permata, tetapi ia adalah emas tulen. Tetapi sekarang cincin belah rotan jarang kedapatan lagi, kerana itu sudah digantikan dengan cincin yang bertatah berlian, bagi keluarga yang berada biasanya cincin ini pasti yang agak mahal, begitulah:

Sekali air pasang sekali pasir berubah
Sekali raja mangkat sekali adat beralih